


KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (Nasional)

TARIKH: 15 JUN 2020

MUKA SURAT: 18



Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan melakukan kerja sanitasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad, Sikamat, Seremban, baru-baru ini. (Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

Utama sanitasi Zon Merah

Maran: Semua sekolah menengah, terutamanya di kawasan Zon Merah di seluruh negara akan diberi keutamaan untuk menjalani proses sanitasi oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebelum ia dibuka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib, berkata, pihaknya sudah mengadakan mesyuarat khas dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan menerima senarai sekolah yang perlu diberi perhatian.

Katanya, langkah itu diambil bagi memastikan sekolah bersih dan selamat dari ancaman CO-

VID-19 sebelum dibuka semula bermula 24 Jun ini.

“JBPM akan memberi keutamaan untuk menjalankan kerja sanitasi kepada sekolah yang berada di kawasan Zon Merah dahulu. Walaupun semua bangunan kerajaan dan tempat awam di Zon Merah telah di sanitasi sebelum ini tetapi ia tidak termasuk bangunan sekolah,” katanya selepas melawat rumah mangsa ribut di FELDA Jengka 1, di sini semalam.

Katanya, bagi sekolah lain di Zon Hijau, JBPM tidak akan membuat proses sanitasi, sebaliknya menyerahkan kepada pihak sekolah melakukan pembersihan sendiri.